

Bil. S 30

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH ANTIKEGANASAN (PINDAAN) (BIL. 2), 2012

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 2 dari S 78/2011.
 3. Pindaan bab 51.
 4. Pindaan bab 55.
 5. Pindaan bab 59.
 6. Pindaan bab 60.
 7. Pindaan bab 70.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH ANTIKEGANASAN (PINDAAN) (BIL. 2), 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Antikeganasan (Pindaan) (Bil. 2), 2012.

Pindaan bab 2 dari S 78/2011.

2. Bab 2 dari Perintah Antikeganasan, 2011, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda, dalam cerai (1) —

(a) dengan memasukkan takrifan-takrifan baru yang berikut menurut susunan abjad yang berkenaan —

“ “Senarai Sanksi Al-Qaida” bermakna Senarai Sanksi Al-Qaida yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu menurut Resolusi 1267 dan Resolusi 1989 dan mana-mana resolusi yang kemudiannya atau resolusi pengganti;

“orang yang ditetapkan” bermakna —

(a) seseorang yang bersekutu dengan Al-Qaida sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Sanksi Al-Qaida dalam Senarai Sanksi Al-Qaida;

(b) seseorang yang bersekutu dengan Taliban yang menjadi ancaman kepada keamanan, kestabilan dan keselamatan Afghanistan sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Sanksi 1988 dalam Senarai Sanksi 1988;

(c) seseorang yang ditetapkan oleh Menteri di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Perintah ini menurut Resolusi 1373 dan mana-mana resolusi yang kemudiannya atau resolusi pengganti; atau

(d) seseorang yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai seorang pengganas atau suatu kumpulan pengganas di bawah bab 65;

“orang” termasuk suatu entiti;

“Resolusi 1267” bermakna Resolusi 1267 (1999) Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diterima-pakai pada 15hb Oktober 1999;

“Resolusi 1373” bermakna Resolusi 1373 (2011) Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diterima-pakai pada 28hb September 2001;

“Resolusi 1988” bermakna Resolusi 1988 (2011) Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diterima-pakai pada 17hb Jun 2011;

“Resolusi 1989” bermakna Resolusi 1989 (2011) Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diterima-pakai pada 17hb Jun 2011;

“Senarai Sanksi 1988” bermakna Senarai Sanksi 1988 yang ditetapkan menurut Resolusi 1267 dan Resolusi 1988 dan mana-mana resolusi yang kemudiannya atau resolusi pengganti;”;

(b) dalam takrifan “profesion dan perniagaan bukan kewangan yang ditetapkan” —

(i) dengan memotong perenggan (f) dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

“(f) mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Perintah Pelesenan Ejen dan Pemegang Amanah Berdaftar, 2000 (S 54/2000);”;

(ii) dengan memasukkan sejurus selepas perenggan (f) perenggan baru yang berikut —

“(g) profesion dan perniagaan lain sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Autoriti;”;

(c) dengan memotong takrifan “entiti” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“entiti” termasuk orang perseorangan, kumpulan, perkongsian, amanah, dana, pengusahaan, dan mana-mana syarikat atau persatuan atau kumpulan orang lain, diperbadankan atau tidak diperbadankan;”;

(d) dalam takrifan “institusi kewangan”, dalam perenggan (a)(v), dengan memotong “Perintah Pelesenan Ejen dan Pemegang Amanah Berdaftar, 2000 (S 54/2000);”;

(e) dengan memotong takrifan “harta” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“harta” bermakna —

(a) setiap jenis aset, sama ada ketara atau tak ketara, alih atau tak alih, sebenar atau potensi, tidak kira bagaimana jua pun diperolehi, dan termasuk —

- (i) tanah, bangunan atau harta tanah lain;
- (ii) peralatan, termasuk komputer, perisian komputer, perkakas dan jentera; perabot pejabat, lekapan dan kelengkapan dan benda lain dari jenis melekap; vesel, pesawat udara dan kenderaan bermotor;
- (iii) inventori barang-barang;
- (iv) karya seni, batu permata, barang kemas atau emas;
- (v) komoditi, termasuk minyak, galian atau kayu balak;
- (vi) bahan yang berkaitan dengan senjata termasuk semua benda yang disebutkan dalam sekatan senjata dalam perenggan 1(c) Resolusi 1989;
- (vii) paten, tanda perniagaan, hak cipta, nama perniagaan, francais, nama baik dan bentuk lain harta intelektual;
- (viii) penghosan internet atau perkhidmatan yang berkaitan;

(b) dana atau aset kewangan lain dalam apa-apa bentuk, termasuk elektronik atau digital yang membuktikan hakmilik kepada, atau kepentingan ke atas, aset itu, dan termasuk —

- (i) wang tunai, cek, tuntutan ke atas wang, draf, kiriman wang, instrumen pembawa, dan instrumen pembayaran lain;
- (ii) deposit dengan institusi kewangan atau entiti lain dan baki ke atas akaun termasuk akaun deposit tetap atau jangkamasa, baki ke atas akaun perdagangan saham dengan bank, firma urusan broker atau akaun perdagangan pelaburan lain;
- (iii) hutang dan obligasi hutang, termasuk hutang perdagangan, akaun lain belum terima, nota belum terima, dan tuntutan wang lain ke atas orang lain;

- (iv) ekuiti dan kepentingan kewangan lain ke atas pedagang perseorangan atau perkongsian;
 - (v) sekuriti dagangan awam dan swasta dan instrumen hutang, termasuk stok dan saham, sijil yang merupakan sekuriti, bon, nota, waran, debentur dan kontrak derivatif;
 - (vi) faedah, dividen atau pendapatan lain ke atas atau nilai yang terakru dari atau terhasil oleh aset;
 - (vii) kredit, hak tolakan, jaminan, bon prestasi atau komitmen kewangan lain;
 - (viii) surat kredit, bil muatan, bil jualan; nota belum terima dan dokumen lain yang membuktikan kepentingan ke atas dana atau sumber kewangan dan mana-mana instrumen lain pembiayaan eksport;
 - (ix) insurans dan insurans semula;
- (c) aset yang dimiliki atau dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh orang yang ditetapkan, oleh mereka atau oleh orang yang bertindak bagi pihak mereka atau atas arahan mereka;
- (d) wasiat yang dibayar kepada —
- (i) entiti yang bersekutu dengan Al-Qaida yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Sanksi Al-Qaida dalam Senarai Sanksi Al-Qaida;
 - (ii) entiti yang bersekutu dengan Taliban yang menjadi ancaman kepada keamanan, kestabilan dan keselamatan Afghanistan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Sanksi 1988 dalam Senarai Sanksi 1988”.

Pindaan bab 51.

3. Bab 51 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dengan memotong “ditetapkan” dari baris akhir ketiga dan menggantikannya dengan “dibenarkan”.

(b) dengan memotong “ditetapkan” dari baris akhir dan menggantikannya dengan “dibenarkan”.

Pindaan bab 55.

4. Bab 55 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraiian (6), dengan memotong “ditetapkan” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “dibenarkan”.

Pindaan bab 59.

5. Bab 59 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dalam ceraiian (1) —

- (i) dalam perenggan (a), dengan memotong “harta pengganas” dari baris kedua dan baris akhir dan menggantikannya dengan “harta kepunyaan mana-mana pengganas atau mana-mana orang yang ditetapkan”;
- (ii) dalam perenggan (b), dengan memotong “atau mana-mana entiti pengganas” dan menggantikannya dengan “, mana-mana entiti pengganas atau mana-mana orang yang ditetapkan”;
- (iii) dalam perenggan (c), dengan memotong “atau mana-mana entiti pengganas” dan menggantikannya dengan “, mana-mana entiti pengganas atau mana-mana orang yang ditetapkan”;
- (iv) dengan memotong “Pesuruhjaya Polis dan mana-mana orang lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Menteri” dan menggantikannya dengan “pegawai yang menjaga balai polis yang terdekat di Negara Brunei Darussalam atau kepada mana-mana pegawai polis di Negara Brunei Darussalam, dan mana-mana orang lain sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Menteri”;
- (v) dengan memotong “ditetapkan” dari baris akhir dan menggantikannya dengan “dibenarkan”.

(b) dalam ceraiian (2), dengan memotong “Pesuruhjaya Polis atau orang yang ditetapkan itu” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “pegawai yang menjaga balai polis yang terdekat di Negara Brunei Darussalam, mana-mana pegawai polis di Negara Brunei Darussalam atau orang yang dibenarkan itu”.

Pindaan bab 60.

6. Bab 60 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan “atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya” sejurus selepas “Perintah ini” dalam baris pertama.

Pindaan bab 70.

7. Bab 70 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1)—

- (i) dalam perenggan (b), dengan memotong “dan” dari baris akhir;
- (ii) dengan memotong perenggan (c) dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

“(c) pembekuan, perlucutan hak dan perampasan harta mana-mana orang;”;

- (iii) dalam menambah perenggan baru yang berikut —

“(d) “langkah-langkah untuk mencegah pembiayaan keganasan termasuk penetapan mana-mana orang.”;

(b) dengan memansuhkan cerai (4) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(4) Mana-mana orang yang gagal atau enggan mematuhi atau melanggar sebarang peraturan yang dibuat di bawah bab ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$1,000,000 dan dalam hal suatu kesalahan berterusan, denda tambahan sebanyak \$100,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.”.

Diperbuat pada hari ini 24 haribulan Muharram, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 8 haribulan Disember, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM